

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

TARIKH : 12 Jun 2020
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Utama
Aras 28, Menara PJD
Ibu Pejabat JKR Malaysia
No. 50 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
JAM : 9.00 pagi – 12.30 tengah hari

AGENDA:

1. Kata-kata aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Maklumbalas Status Tindakan Berbangkit
4. Pembentangan Laporan Aktiviti ECKM (Sukuan Pertama 2020)
5. Pembentangan Laporan Status CoP (Sukuan Pertama 2020)
6. Pembentangan Status Laporan Pembudayaan Ilmu JKR Negeri Pahang 2019
7. Pembentangan Pembentangan Laporan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR CREaTE 2019
8. Pembentangan Laporan Program Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019
9. Penyerahan Sijil Pelantikan Knowledge Manager JKR Malaysia
10. Hal – hal lain

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
1.	Ir. Alfred Sim Seck Puan (Pengerusi)	CPAB
2.	Sr. Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah	CPAB
3.	Pn. Rosmila Binti Osman	CKIP
4.	Hj. Nik Zainurin Bin Nik Ibrahim	CKUB
5.	Ir. Fuziah Binti Abd Rahim	CKG
6.	Pn. Cheng Siaw Huei	CKC
7.	Pn. Nor Asilah Binti Ahmad	PPK1
8.	Pn. Hilmilia Binti Selamat	CKP
9.	Ir. Dr. Megat Zuhairy Bin Megat Tajuddin	CKE
10.	En. Muhammad Izzat Bin Ishak	CKE
11.	Ir. Maslinda Binti Mohamed	CKM

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
12.	Pn. Wan Faridah Binti Wan Mustaffa	CKAS
13.	Pn. Martina Kohnidia Binti Mahli	CKAS
14.	Sr. Marzura Binti Marzuki	CKBA 2
15.	En. Mohd Fadzli Bin Abdul Syukor (SfB)	CKK
16.	Pn. Zalaliesuzane Binti Othman	CA
17.	Pn. Faizah Binti Ibrahim (SfB)	CASKT
18.	Ir. Zety Afrizan Binti Mohamad Zaman	CSFJ
19.	Pn. Nurhidayati Binti Elfikrie	CSFJ
20.	Pn. Murniza Binti Aziz	CPAB
21.	Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin (SfB)	CREaTE
22.	En. Effendi Bin Mohd Sood	CDPK
23.	En. Razman Bin Abd Rani	CDPK
24.	En. Mior Wahidun Bin Sabri	CSFB
25.	En. Abu Hanifah Bin Misdur @ Ishak	CKBA 1
26.	Pn. Hawa Liza Binti Zahari (Urusetia)	CPAB
27.	En. Mohammad Syahmi Bin Abdullah (Urusetia)	CPAB
28.	Pn. Safira Aiza binti Ahmad (Urusetia)	CPAB

B. JKR NEGERI (SECARA MAYA: SKYPE FOR BUSINESS - SfB)

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
1.	Ir. Yulinar Binti Ismail	JKR Selangor
2.	Pn. Farizan Binti Salleh	JKR Selangor
3.	Nur Maira Adila Binti Othman	JKR Pahang
4.	En. Fauzi Bin Junus	JKR Terengganu
5.	Ar. Roslinda Binti Ghazali	JKR Pulau Pinang
6.	En. Nor Halim Bin Aludin	JKR Negeri Sembilan
7.	En. Mohd Hairol Bin Mohd Laya	JKR Negeri Sembilan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

Bil	Nama Pegawai	Pejabat
8.	Ir. Sufiyan Safwan Bin Abdul Hamid	JKR Johor
9.	Ir. Hj. Nik Soh Bin Yaacoub	JKR Kelantan
10.	Pn. Sharifah Zainiyah Binti Syed Zuber	JKR Perlis
11.	En. Ahmad Fariz Bin Sopian	JKR Perak
12.	Pn. Nur Fairuzzah Binti Md Marham	JKR WP Kuala Lumpur
13.	Pn. Azawiyah Binti Md Saad	JKR WP Putrajaya
14.	Pn. Kueh Hiong Mui	JKR Melaka
15.	Pn. Marrion Waynor	JKR WP Labuan
16.	En. Mohamad Lukman Hakim Bin Mustapha	JKR KESEDAR
17.	Ir. Manimaran A/L Raman	JKR Kedah
18.	Pn. Wan Nor Asliza Binti Wan Ismail	JKR Kedah

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

MINIT MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Ucapan Pengerusi</u>	
1.1	YBrs Ir. Alfred Sim Seck Puan selaku Pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua Knowledge Manager yang dapat hadir sama ke Mesyuarat JKPPPI Bil. 1/2020 yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Aras 28, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia. Ini merupakan mesyuarat JKPPPI kali pertama bagi tahun 2020.	Makluman
1.2	Tuan Pengerusi memaklumkan mengikut perancangan asal, mesyuarat ini sepatutnya diadakan di JKR Wilayah Persekutuan Labuan pada 24 dan 25 Mac 2020. Namun, mengambil kira situasi semasa penularan pandemik COVID-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020, mesyuarat tersebut terpaksa ditangguh dan dianjakkan ke hari ini.	Makluman
1.3	Tuan Pengerusi turut memaklumkan kita perlu membiasakan diri dengan norma atau kebiasaan kehidupan baharu dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 ini. Oleh yang demikian, selaras dengan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Pembudayaan Norma Baharu Pencegahan COVID-19 di Premis JKR Malaysia, mesyuarat pada hari ini dijalankan secara bersemuka di kalangan Knowledge Manager Ibu Pejabat JKR Malaysia dan secara maya melalui Skype for Business bagi Knowledge Manager dari JKR Negeri/Wilayah Persekutuan/Unit KESEDAR.	Makluman
1.4	Tuan Pengerusi turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 27 Knowledge Manager yang telah bertukar portfolio/bersara wajib bagi tempoh bermula 1 Januari 2020 sehingga 11 Jun 2020 atas segala jasa dan komitmen yang telah diberikan oleh mereka dalam menjayakan pelaksanaan program pengurusan pengetahuan di Jabatan.	Makluman
1.5	Di samping itu juga Tuan Pengerusi turut mengucapkan selamat datang kepada 26 Knowledge Manager yang baru dilantik dan berharap agar mereka dapat memberikan kerjasama penuh dan sokongan yang berterusan dalam memperkasa aktiviti perkongsian ilmu yang dilaksanakan di JKR Malaysia.	Makluman
1.6	Tuan Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Knowledge Manager kerana sangat aktif dalam melaksanakan program dan aktiviti pembudayaan ilmu di pejabat masing-masing. Di samping itu, dalam melalui fasa “the new normal” ini, sebagai Knowledge Manager Jabatan, mereka merupakan agen perubahan yang memainkan peranan penting dalam membantu warga kerja Jabatan bagi menyesuaikan diri dengan pelbagai pembaharuan dan	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.7	<p>perubahan terutamanya yang melibatkan perkongsian dan pengurusan pengetahuan.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan terdapat beberapa aktiviti ECKM yang telah dijalankan selepas Mesyuarat JKPPPI yang lepas. Walaubagaimanapun, Program Persada Minda @ JKR 2020 yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan memandangkan sebarang aktiviti berkumpulan/perhimpunan beramai-ramai tidak dibenarkan dalam usaha untuk menangani penularan wabak COVID-19 ini dalam tempoh PKPP. Sehubungan dengan itu, satu mekanisma/kaedah baru perlu dikenalpasti bagi penganjuran program tahunan Persada Minda ini.</p>	Makluman
1.8	<p>Mesyuarat turut dimaklumkan Bengkel Pemerikasaan CoP telah diadakan pada 11-12 Mac 2020 di JKR WP Kuala Lumpur di mana terdapat 5 domain yang terlibat iaitu Project Management, Contract Management, BIM, BIM (Ukur Bahan) dan Struktur. Laporan yang disediakan oleh pihak vendor akan digunapakai untuk memperkasa prestasi CoP sedia ada.</p>	Makluman
1.9	<p>Tuan Pengerusi juga memaklumkan bahawa Unit ECKM sedang mengadakan sesi perbincangan lanjut bersama Unit Pengurusan Nilai, CPAB untuk menyediakan bahan pembelajaran berkaitan Value Management untuk dimuatnaik ke Portal EPSA. Projek ini dijangka akan disiapkan menjelang sukuan keempat tahun ini.</p>	Makluman
2.0	<u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u>	
2.1	<p>Mesyuarat bersetuju dan mengesahkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Pembudayaan Ilmu JKR Bil. 1/2020.</p>	Makluman
3.0	<u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u>	
3.1	<p>Pembangunan Modul Expert Talk Series Mesyuarat dimaklumkan modul ini melibatkan dua orang pakar dari JKR Malaysia iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ir. Dr. Abdul Murad Bin Zainal Abidin Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (Pengurusan Tenaga Dalam Bangunan); dan ii. Dr. Mohd Sabere Bin Sulaiman Cawangan Arkitek (Kepentingan Konservasi Bangunan Warisan) <p>telah siap dilaksanakan pada 28 November 2019 dan video tersebut boleh diakses melalui:</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
3.2	<ul style="list-style-type: none"> • Portal JPedia – https://bit.ly/2XPcRu6 • Portal EPSA (MOOC) – https://bit.ly/2B0Qf0A <p>Laporan Status CoP dan JPedia Mesyuarat dimaklumkan bahawa Unit ECKM telah mengadakan sesi perbincangan dan libat urus bersama SME/Pakar Rujuk/Knowledge Manager/Moderator CoP bagi domain yang terlibat termasuk Project Management, Assets & Facilities Management, Technical and Contract Administratoin, BIM, Contract Management dan Structure.</p>	Makluman
4.0 4.1	<p><u>Pembentangan Status Laporan Aktiviti ECKM 2019</u></p> <p>Pn. Hawa Liza Binti Zahari telah membentangkan status pelaksanaan Aktiviti ECKM yang dijalankan dari bulan Januari 2020 hingga Jun 2020 serta perancangan aktiviti ECKM dari bulan Julai 2020 sehingga Disember 2020.</p> <p>Maklumat lanjut mengenai Aktiviti ECKM 2020 boleh didapati dengan melayari laman web JPedia di https://bit.ly/37Cu11t</p>	Makluman
5.0 5.1 5.2	<p><u>Pembentangan Laporan Status CoP dan JPedia</u></p> <p>Sr. Dr. Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP dan CoP dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan statistik pengunjung Portal JCoP dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020 penggunaan paling tinggi adalah pada Januari iaitu sebanyak 245. Peningkatan drastik adalah hasil dari edaran hebahan e-risalah berkenaan Portal JCoP. • Catatan penggunaan terendah sepanjang tempoh 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020 adalah pada bulan Mac iaitu 14 kunjungan. Penurunan ini disebabkan oleh tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dimana semua pihak dalam proses menyesuaikan diri dengan cara bekerja dari rumah. <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa statistik interaksi Portal JCoP Café mencatatkan penurunan secara keseluruhan adalah sebanyak 54% seperti perincian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penurunan soalan sebanyak 25% iaitu dari 63 soalan kepada 38 soalan • Penurunan jawapan sebanyak 52% iaitu 123 jawapan 	Makluman Makluman Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
5.3	<p>kepada 93 jawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penurunan komen sebanyak 63% iaitu 74 komen kepada 72 komen <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa dalam 1 Januari 2020 sehingga 31 Mac 2020 terdapat 167 soalan tiada jawapan. Unit ECKM akan mengemukakan soalan tersebut kepada Knowledge Manager yang berkenaan untuk dipanjangkan kepada Moderator JCoP yang telah dinamakan.</p>	Unit ECKM & Knowledge Manager
6.0	<p>Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu</p>	
6.1	<p>Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR Negeri Pahang</p> <p>Pn. Nur Maira Adila Binti Othman, wakil Knowledge Manager JKR Negeri Pahang telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di JKR Pahang secara maya menggunakan <i>Skype for Business</i> (SfB).</p>	Makluman
6.2	<p>Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR Pahang boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di https://bit.ly/30O3TPC</p> <p>Pembentangan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR CREaTE, Melaka</p> <p>Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin, Knowledge Manager JKR CREaTE, Melaka telah membentangkan Laporan Aktiviti Pembudayaan Ilmu yang telah dijalankan di JKR CREaTE Melaka secara maya menggunakan <i>Skype for Business</i> (SfB).</p> <p>Senarai lengkap Aktiviti Pembudayaan Ilmu JKR CREaTE Melaka boleh didapati dengan melayari Portal JPedia di https://bit.ly/30OtiIZ</p>	Makluman
7.0	<p>Pembentangan Laporan Program Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019</p>	
7.1	<p>Ir. Dr. Megat Zuhairy Bin Megat Tajuddin, Knowledge Manager Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah memaklumkan program Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019 telah berlangsung dengan jayanya pada 3-4 Disember 2019 bertempat di Pusat Konvensyen TM, Kuala Lumpur.</p>	Makluman
7.2	<p>Mesyuarat dimaklumkan program yang julung-julung kali diadakan ini disambut di peringkat nasional bagi tujuan memartabatkan profesion teknikal bertemakan “Teras Kemakmuran Bersama”. Program ini telah telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad dengan penyertaan dan kehadiran yang</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	menyeluruh semua agensi Kerajaan dan Swasta.	
7.3	Ir. Dr. Megat Zuhairy Bin Megat Tajuddin seterusnya memaklumkan antara cabaran yang dihadapi oleh Jawatankuasa Induk antaranya melibatkan sumber kewangan dan masa yang terhad bagi menjayakan program ini.	Makluman
7.4	Antara aktiviti yang telah adakan termasuk Segmen Bual Bicara, Sesi Pembentangan Akademik/Teknikal/Selebtiti Teknikal dan pertandingan e-Sport.	Makluman
7.5	Maklumat lanjut mengenai Program Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2019 boleh didapati dengan melayari Portal https://bit.ly/3hDt1OX	Makluman
8.0	<u>Penyerahan Sijil Pelantikan Knowledge Manager JKR Malaysia</u>	
8.1	Ir. Alfred Sim Seck Puan telah menyerahkan Sijil Perlantikan Knowledge Manager JKR Malaysia yang baru dilantik. Antara terma tugas dan tanggungjawab Knowledge Manager termasuk memberi kesedaran dan pemahaman berhubung dengan program Pengurusan Kandungan dan Pengetahuan kepada anggota kerja di tempat dan melaksana dan memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif Pengurus Pengetahuan di tempat tugas.	Makluman
9.0	<u>Hal-hal Lain</u>	
9.1	Pn. Syariza Binti Mohamad Azidin, Knowledge Manager dari JKR CREaTE memaklumkan kaedah perkongsian ilmu secara atas talian telah dibuat oleh pihak CREaTE sepanjang bermulanya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berdasarkan bahan-bahan kursus yang telah dibangunkan. Kaedah pembelajaran secara konvensional dengan kehadiran fizikal di bilik kuliah akan diteruskan oleh pihak CREaTE dengan menghadkan jumlah kehadiran peserta dan mengamalkan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Pembudayaan Norma Baharu Pencegahan COVID-19 di Premis JKR Malaysia	Makluman
9.2	Sr. Nik Zainurin Bin Nik Ibrahim, Knowledge Manager dari Cawangan Kontrak & Ukur Bahan memaklumkan pemahaman terhadap konsep perkongsian ilmu ini terutamanya di dalam JCoP Café perlu diperjelaskan kepada semua warga JKR agar ianya dapat menjadi satu platform yang betul dan boleh digunakan oleh semua untuk mendapatkan idea bagaimana untuk menyelesaikan sebarang isu/masalah yang dihadapi. Bagaimanapun, jawapan-jawapan yang diberikan terhadap persoalan yang diutarakan ini tidak sewajarnya digunakan sebagai keputusan terus yang boleh diambil. Ianya perlu	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 1/2020)**

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
9.3	melalui prosedur yang sewajarnya dalam memastikan ianya dibuat melalui saluran yang betul dan tepat. Ir. Manimaran A/L Raman, Knowledge Manager dari JKR Kedah mengucapkan tahniah di atas inisiatif yang telah diambil di dalam pelaksanaan mesyuarat ini secara maya menggunakan aplikasi <i>Skype for Business</i> – SfB ini dimana ianya menjimatkan masa & memudahkan mereka terutamanya Knowledge Manager dari negeri.	Makluman
9.4	En. Effendi Bin Mohd Sood, Knowledge Manager dari Cawangan Dasar & Pengurusan Korporat memaklumkan pihak mereka dalam usaha menghasilkan beberapa infografik dalam mempromosikan aktiviti, pengetahuan teknikal secara umum dan lain-lain berkaitan JKR kepada pihak stakeholder dan orang awam untuk tahun 2020 dalam usaha menaikkan imej JKR secara khususnya.	Makluman
10.0	<u>Penutup</u>	
10.1	Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga atas semua maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	Makluman

Disediakan Oleh:

Disemak Oleh:

.....
Pn. Hawa Liza Binti Zahari
 Jurutera Awam Kanan
 Unit ECKM
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia

.....
Sr. Dr. Khairil Hizar Bin Md Khuzaimah
 Jurukur Bahan Penguasa
 Unit ECKM
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia

Disahkan Oleh:

.....
Ir. Alfred Sim Seck Puan
 Pengarah
 Bahagian Pengurusan Projek Kompleks
 Cawangan Perancangan Aset Bersepadu
 Ibu Pejabat JKR Malaysia